



buletin **salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

MAAL HIJRAH



**Julai
2022**

ISSN 1985 - 7624



9771985762005

info umum

Awal Muharram, yang juga dikenali sebagai Maal Hijrah, adalah hari yang penting bagi seluruh umat Islam kerana ia menandakan permulaan tahun kalender Islam yang baharu. Maal Hijrah merujuk kepada penghijrahan Nabi Muhammad (S.A.W) dari Kota Mekah ke Madinah pada tahun 622 Masihi.

Peristiwa itu berlaku pada 1 Muharram tahun baharu bagi takwin Hijrah. Selain itu, bagi umat Islam, Hijrah juga merujuk kepada perubahan kearah kebaikan dan juga merupakan titik permulaan untuk memperbaiki diri sendiri.

"Orang yang berhijrah ialah orang yang menjauhi apa yang ditegah oleh Allah untuk melakukannya.." (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Pada bulan ini juga terdapat beberapa peristiwa penting yang berlaku antaranya adalah 'Ásyura' yang disambut pada 10 Muharram. Pada tarikh tersebut, pelbagai peristiwa-peristiwa penting berlaku yang mencerminkan kegemilangan bagi perjuangan yang gigih dan tabah dalam menegakkan keadilan dan kebenaran.

Nabi Muhammad SAW bersabda: "Wahai manusia, berhijrahlah dan berpegang teguhlah dengan Islam. Ini adalah kerana selama jihad kekal, selama itulah hijrah (keluar di jalan Allah SWT) akan berkekalan." (Hadis Riwayat Tabrani)

MA'AL HIJRAH 1444 H



**"KELUARGA MALAYSIA
PEMANGKIN KEMAKMURAN"**



SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG

Puan Noraini binti Shamsuddin

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli

Encik Mazli bin Che Mamat

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK

Encik Mazli bin Che Mamat

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM

Perbadanan Perpustakaan Awam

Terengganu

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Tel : 09-622 1100

09-622 0052

Fax : 09-622 1534


E-mel : ppat@trglb.gov.my

URL : <https://www.trglb.gov.my>



© 2022 Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.



Anugerah khidmat cemerlang adalah anugerah yang diberikan kepada kakitangan PPAT bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan kerana kualiti/kuantiti sumbangannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya.

Penghargaan ini juga bertujuan menjadikan anggota berkenaan sebagai contoh dan daya penarik kepada lain-lain anggota untuk sama-sama meningkatkan lagi taraf perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi.

Anugerah
Pekerja Cemerlang
BULANAN
JULAI 2022



NADIA BINTI IBRAHIM

PEMBANTU PUSTAKAWAN S19
PD KETENGAH JAYA



WAN NURULHUDA BINTI WAN MUDA

PEMBANTU PUSTAKAWAN S19
PD JERAM TEPOH



penulis
terengganu



SHARIF PUTERA

TUAN SHARIF BIN TUAN PUTERA
DILAHIRKAN PADA 19 JANUARI 1943
BERASAL DARI KAMPUNG PETEAI BUBUS
MANIR, TERENGGANU



KARYA YANG DIHASILKAN

- + MENANTI SAAT GENTING
- + KALAU PADI KATAKAN PADI
- + DAUN YANG KERING
- + MAWAR MERAH
- + SALAH TIMBANG
- + TERAPUNG
- + BELUT
- + SINAR KELABU
- + LAGU BARU DALAM RODAT
- + PANTAI MERANG
- + KEMAJUAN DINERUS
- + MAINAN DIRI
- + SEBUAH KENANGAN
- + GAPENA DANBULAN BARAKAH
- + BATAS BARU
DAN SEBAGAINYA

ANUGERAH

- PINGAT JASA KEBAKTIAN PJK (1976)
- PINGAT PANGKUAN NEGARA PPN (1985)
- BINTANG AHLI MANGKU NEGARA AMN(1996)
- AHLI SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN AMZ (2006)
- SATERAWAN NEGERI TERENGGANU (2013)
- ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (1994)
- TOKOH GURU NEGERI TERENGGANU (2002)
DANSEBAGAINYA



ulasan buku

SINOPSIS

Tajuk
Seni Kraf Pilihan Terengganu

Penulis
Noraini A. Shariff


Penerbit
Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM)

ISBN
9789834428617

Harga
RM 195.00

Muka Surat
164

Tahun
2010



Buku ini memberi perhatian kepada empat jenis kraf warisan Terengganu iaitu seni ukiran kayu, perusahaan batik terap, seni menempa tembaga dan seni menempa besi dengan meneliti sejarah asal usul seni tersebut, perkembangannya, bahan-bahan yang digunakan serta proses pembuatannya di samping kegunaan produk yang dihasilkan.

Pada masa sama, Terengganu juga dikenali dengan pelbagai tradisinya, terutama dalam pembuatan barang kraf. Selama beratus-ratus tahun, negeri ini memang terkenal dengan kraf warisan. Kraf ini adalah sebahagian daripada kraf warisan Terengganu yang memang tersohor.

Walaupun barang kraf ini boleh juga didapati di negeri-negeri lain, kraf Terengganu mempunyai identitinya yang tersendiri. Ia diminati bukan sahaja oleh rakyat tempatan tetapi oleh pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara. Para tukang yang menghasilkan barang ini telah mewarisi seni pembuatannya daripada beberapa generasi tukang-tukang mahir. Kini, produk hasil buatan mereka diberi sentuhan baru mengikut cita rasa semasa tetapi masih tetap memelihara kecantikan seni yang asal.

Buku ini ialah satu usaha Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) untuk mendokumentasikan beberapa seni kraf Terengganu dengan tujuan mempromosikan kraf-kraf ini di kalangan masyarakat tempatan serta peminat-peminat setia mereka. Ia juga diharapkan supaya kraf ini dan hasil seninya akan terus dihargai bukan sahaja oleh angkatan lama tetapi juga oleh generasi anak-anak muda kini dan akan datang.

Bab akhir buku ini memberi perhatian khusus kepada peranan Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) dalam menyemarakkan perkembangan kraf warisan ini.

Catatan: Buku ini boleh didapati di Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (Unit Koleksi Terengganu)

sorotan

PERTANDINGAN BEYBLADE BURST PADA 2 JULAI 2022

Pada 2 Julai 2022, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu telah berkerjasama dengan Kuala Terengganu Residen (KUTERER) mengadakan Pertandingan Bayblade Burst di Ruang Legar, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT). Penyertaan disertai seramai 20 orang (pengunjung) mengikut kategori iaitu kanak-kanak dan dewasa. Pertandingan yang bermula seawal jam 9.00 pagi ini telah berakhir pada jam 1.00 petang. Penyampaian hadiah pemenang telah disempurnakan oleh Ketua Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat.



LATIHAN LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT: PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DAN u-PUSTAKA

Seramai 86 orang pelajar dan 6 orang guru dari Sekolah Kebangsaan Lembah Jaya, Sekolah Kebangsaan Rahmat dan Sekolah Kebangsaan Pasir Puteh telah mengikuti Latihan Literasi Media dan Maklumat (LLM) pada bulan ini. Pelajar diberi penerangan berkaitan perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan secara terperinci termasuk perkhidmatan u-Pustaka. Peluang ini sangat membantu kepada para pelajar terutama Pengawas Perpustakaan Sekolah atau pusat sumber sekolah dalam menjalankan tugas di tempat mereka.



PROGRAM JALINAN KASIH TAUTAN BUDI (JKTB) SEMPENA DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN 2022

Bersempena dengan Dekad Membaca Kebangsaan 2022, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur telah mengadakan satu program yang berbentuk sosial Korporat (CSR) di Sekolah Kebangsaan Pulau Perhentian dan komuniti setempat pada 17 Julai 2022. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Azbi Bin Salleh selaku Pegawai Penyelaras DUN Kuala Besut. Turut hadir sama adalah Pengarah Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Pengarah Dewan bahasa dan Pustaka Wilayah Tumur dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pulau Perhentian. Objektif utama pengajuran program ini adalah untuk memupuk minat golongan sasaran ke arah pembacaan dan cintakan ilmu melalui program yang disediakan. Selain itu, program ini juga telah merapatkan lagi hubungan dan kerjasama bersama komuniti setempat serta warga pendidik. Pelbagai aktiviti menarik seperti Pertandingan Jejak Maklumat, Mewarna, taklimat u-Pustaka dan program infaq buku telah diadakan pada hari tersebut. Penerimaan daripada masyarakat Pulau Perhentian dan pelajar-pelajar amat menggalakkan. Pada masa yang sama, pihak PPAT dan DBP turut menyumbang buku untuk ditempatkan di 'Sudut Perpustakaan Murid Bestari Pulau Perhentian' bagi kegunaan para pelajar sekolah tersebut.



sorotan

PERTANDINGAN EKSPLORASI CINTA BUKU

Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu bekerjasama dengan Sekolah Kebangsaan Teris, Hulu Terengganu telah menganjurkan Pertandingan Eksplorasi Cinta Buku 2022 pada 20 Julai 2022. Seramai 32 pelajar telah terlibat secara langsung dalam aktiviti yang diadakan. Majlis Perasmian dan penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Puan Noranis binti Hassan, Penolong Kanan Hal-Ehwal Murid.

SAMBUTAN HARI PUISI KEBANGSAAN 2022, PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

Pada 28 Julai 2022, Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu dengan kerjasama Persatuan Sasterawan Terengganu (PELITA) dan Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) telah merangka satu program bersempena dengan Sambutan Hari Puisi Kebangsaan peringkat Negeri Terengganu. Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk memartabatkan penulis-penulis dan para penggiat seni sastera Negeri Terengganu. Seramai 100 orang peserta telah mengikuti program yang berlangsung selama satu hari ini dan telah mendapat maklumat balas positif daripada peserta yang hadir. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Nor Hanafi bin Mohamad (Pembantu Khas) mewakili Yang Berhormat Dato' Rozi bin Mamat, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telemong.

KEMPEN MEMBACA : BUKU TEMAN ILMU

Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu telah menerima jemputan dari Sekolah Kebangsaan Matang, Hulu Terengganu bersempena dengan program Kempen Membaca : Buku Teman Ilmu pada 25 Julai 2022. Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu telah dijemput untuk memberi taklimat dan mempromosikan program galakan kepada para pelajar. Seramai 129 pelajar telah terlibat sempena Program Kempen Membaca kali ini. Pihak perpustakaan turut mengambil peluang dengan mengadakan beberapa aktiviti sampingan kepada para pelajar. Selain itu, pihak perpustakaan juga turut menyediakan kaunter pendaftaran ahli bagi menambah jumlah keahlian.

KARNIVAL TERENGGANU MAJU BERKAT SEJAHTERA (TMBS) DUN AJIL

Pada 28 hingga 30 Julai 2022 telah berlangsung Karnival Maju Berkat Sejahtera anjuran Dewan Undangan Negeri (DUN) Ajil, Hulu Terengganu yang bertempat di Dataran Ajil Trade Centre (DATC).

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Ustaz Haji Satiful Bahri bin Mamat, Pengurus Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi. Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu telah dijemput untuk menyertai karnival ini dengan mengadakan pameran perkhidmatan perpustakaan dan aktiviti sampingan galakan membaca.



kenali perpustakaan

SISTEM NEUCANVAS : PPAT DIGITAL

Program pendigitan sumber perpustakaan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah bermula pada tahun 2013 dan merupakan satu proses menukar format sumber perpustakaan dari bentuk bercetak kepada bentuk digital yang boleh diakses bagi memastikan koleksi perpustakaan terus dipelihara dan dipulihara secara terancang supaya ia kekal sebagai khazanah warisan intelek.

Sistem Neucanvas atau PPAT Digital merupakan satu sistem pengurusan bahan yang terdiri daripada dokumen dan foto yang dilaksanakan secara digital. Melalui proses pendigitan ini membolehkan maklumat daripada bahan-bahan tersebut disebarluas untuk rujukan ramai secara atas talian. Antara sumber perpustakaan yang dimuatkan dalam PPAT Digital adalah terdiri daripada warta, buku, manuskrip, kitab, keratan akhbar, gambar dan lain-lain.

Dalam usaha untuk memperkasakan Koleksi Digital Terengganu atau Terengganu Local Content (TLC), PPAT telah menjalin kerjasama dengan pihak Pejabat Dewan Undangan Negeri Terengganu untuk membolehkan para ADUN mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan pantas. Bagi memperkuatkannya hubungan kerjasama ini satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah dipersetujui bagi tujuan perkongsian sumber ilmu dan maklumat. Melalui perkongsian ilmu ini akan dapat membantu perpustakaan memperluaskan peranan secara lebih strategik bagi menjadikan PPAT Digital sebagai pusat rujukan digital yang dinamik dan komprehensif.



INFLUENZA

Apakah Influenza?

Influenza merupakan penyakit yang disebabkan oleh virus influenza yang menjangkiti salur pernafasan. Ia boleh menyebabkan gejala jangkitan yang ringan maupun serius. Dalam keadaan tertentu, ia boleh mengancam nyawa individu yang dijangkiti.

Bagi negara-negara yang beriklim sederhana, kejadian wabak kerap kali berlaku semasa musim sejuk manakala bagi negara-negara tropika di sepanjang garisan Khatulistiwa (termasuk Malaysia), kejadian wabak berlaku sepanjang tahun tanpa mengikut musim yang tertentu.

Apakah Gejala Influenza?

Secara kebiasaannya, gejala influenza bermula 1 atau 2 hari selepas dijangkiti, dan ianya meliputi :

- Demam
- Selesema
- Sakit tekak
- Batuk
- Sakit kepala
- Sakit badan
- Sukar bernafas
- Cirit birit dan sakit perut (khususnya dikalangan kanak-kanak)

Kerap kali jangkitan virus influenza sekadar menyebabkan gejala jangkitan yang ringan pada kebanyakan orang yang mempunyai tahap imuniti badan yang baik.

Bagaimana Cara Penularan Influenza?

Influenza merebak dari seorang individu yang dijangkiti kepada seorang individu yang lain melalui titisan salur pernafasan (respiratory droplets) apabila bercakap, batuk atau bersin. Titisan ini boleh mencemari permukaan dan menyebabkan jangkitan kepada individu yang menyentuh permukaan tersebut.

Siapakah yang Berisiko Tinggi Mendapat Influenza?

- Kanak-kanak berumur kurang dari 5 tahun
- Wanita hamil
- Warga emas berumur 65 tahun dan ke atas
- Individu dengan penyakit kronik (kencing manis, darah tinggi, asma, dan lain-lain)
- Individu obes
- Individu yang mempunyai daya ketahanan badan yang rendah (seperti pesakit kanser, penghidap HIV, pesakit yang menjalani rawatan kemoterapi, dan lain-lain.)




Figure 1

Adakah Terdapat Rawatan yang Khusus bagi Influenza?

Secara amnya, terdapat rawatan yang berkesan bagi merawat jangkitan influenza, dimana salah satu dari pilihan rawatan adalah dengan menggunakan ubat anti-viral; iaitu tertakluk kepada hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan yang merawat. Rawatan segera adalah amat penting bagi mengelakkan komplikasi penyakit.

Bagaimanakah Cara Mencegah Influenza?

Cara yang terbaik untuk mencegah jangkitan influenza adalah dengan mendapatkan vaksinasi secara tahunan bagi individu yang berumur 6 bulan dan ke atas di kebanyakan fasiliti kesihatan swasta.

Selain dari mendapatkan vaksin influenza, lain-lain langkah pencegahan yang boleh diamalkan adalah seperti berikut:

- Amalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer;
- Amalkan adab batuk yang baik dengan menutup mulut dan hidung apabila batuk atau bersin, sama ada dengan menggunakan tisu atau penutup mulut dan hidung (face mask);
- Buang tisu atau penutup mulut dan hidung (face mask) ke dalam tong sampah bertutup sejurus selepas ianya digunakan;
- Jarakkan diri dari individu yang bergejala, sekurang-kurangnya dalam jarak 1 meter;
- Rehat di rumah dan elakkan mengunjungi tempat tumpuan ramai jika bergejala. Sekiranya perlu ke tempat awam, gunakan penutup mulut dan hidung (face mask).

Mengapakah Vaksin Influenza Perlu diambil Secara Tahunan?

Vaksin influenza perlu diambil secara tahunan kerana formula vaksin influenza perlu dikemaskini berdasarkan saranan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi memastikan kandungannya sepadan dengan virus influenza yang dijunurkan menular pada setiap musim. Ini disebabkan oleh perubahan yang berlaku pada struktur virus influenza secara berterusan dan proses ini dikenali sebagai antigenic drift.

Disediakan oleh:

Kementerian Kesihatan Malaysia
Januari 2020

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ
نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ التَّصِيرُ

Cukuplah Allah tempat berserah diri bagi kami,
sebaik-baik pelindung kami,
Dan sebaik-baik penolong kami.

bulletin
salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU**

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2022 Hak Cipta Terpelihara



www.trglib.gov.my